


Sabtu, 25 April 2020 | 3:17pm



KPDNHEP mengenakan kompaun RM2,500 kepada seorang peniaga kerana menjual gas petroleum cecair (LPG) melebihi harga kawalan. - Foto ihsan KPDNHEP

Peniaga dikompaun jual gas memasak lebih harga kawalan

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bharian.com.my

PETALING JAYA: Seorang peniaga kedai runcit dikenakan kompaun RM2,500 selepas didapati menjual gas petroleum cecair (LPG) atau gas memasak melebihi harga kawalan, semalam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kajang dalam satu kenyataan, hari ini memaklumkan tindakan peniaga terbabit terbongkar susulan pemeriksaan dijalankan Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP di beberapa premis perniagaan sekitar Bandar Seri Putera, Kajang.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan, kita dapati seorang peniaga kedai runcit di situ melakukan kesalahan dengan menjual LPG melebihi harga yang ditetapkan kerajaan.

"Harga runcit LPG adalah RM1.90 sekilogram (KG), justeru peniaga tidak dibenarkan menjual melebihi RM19 bagi silinder 10KG, RM22.80 bagi silinder 12KG dan RM26.60 bagi silinder 14KG," katanya.

Peniaga terbabit dikenakan kompaun RM2,500 kerana melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pegawai penguat kuasa KPDNHEP Kajang juga menjalankan operasi penandaan harga di premis-premis perniagaan di sekitar Bangi dan Pekan Kajang, minggu lalu.

"Ini untuk memastikan peniaga menunjukkan tanda harga yang jelas barangan yang dijual dan tidak mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

"Menerusi pemeriksaan itu, lima kesalahan dikesan kerana tidak meletakkan tanda harga pada barangan yang dipamerkan untuk jualan.

"Peniaga yang melakukan kesalahan itu dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan nilai kompaun RM5,000," kata kenyataan itu.

Bahagian penguatkuasaan KPDNHEP Kajang akan terus menjalankan pemeriksaan daripada semasa ke semasa untuk memastikan semua peniaga mematuhi peraturan dan tidak mengambil kesempatan ke atas pengguna dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/681485/peniaga-dikompaun-jual-gas-memasak-lebih-harga-kawalan>

